

Azimat dari klinik

■ Pelajar USIM kudung tangan, kaki bengkok bukti kejayaan

Oleh Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my
Seremban

“Hidup sebagai orang cacat bukan pematah semangat, sebaliknya kita perlu lebih kuat untuk menyamai kejayaan orang normal,” itu yang menjadi pegangan pelajar Universiti Sains Islam

Malaysia (USIM), Nilai, Muhammad Hadi Darus, 19.

Muhammad Hadi berkongsi semangatnya dengan 600 pelajar sekolah menengah di negeri ketika dijemput memberi ceramah pendidikan sempena Seminar Kerjaya Murid bersama Ibu bapa Peringkat Kebangsaan di Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Labu di sini, kelmarin.

Pelajar Tamhidi

“ Saya masih ingat nasihat doktor itu bahawa orang cacat perlu pameran usaha terbaik hingga berjaya supaya orang lain tidak nampak kelemahan kita”

Hadi Darus

Syariah dan Undang-Undang USIM itu menerima jempunan Majlis Amanah Rakyat (MARA) berikutan kecemerlangannya dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) biarpun berstatus OKU.

Menurutnya, dirinya tidak seperti orang normal apabila dilahirkan cacat, malah mengalami pelbagai kelemahan.

“Sejak lahir, tangan kanan saya kudung manakala tangan kiri pula

pendek manakala kedua-dua kaki pula bengkok dan terhencot-hencot untuk berjalan,” katanya.

Katanya, berikutan kecacatan dialami, dia menerima rawatan dari sebuah klinik di Pendang, Kedah dan doktor merawatnya pernah memberikan nasihat.

“Saya masih ingat nasihat doktor itu bahawa orang cacat perlu pameran usaha terbaik hingga berjaya supaya orang lain tidak nampak kelemahan kita,” katanya yang juga moderator pelajar Yayasan Pelajaran MARA (YPM).

Menurutnya, dia memilih untuk berjaya dalam pelajaran dan usaha gigihnya berbaloi apabila memperoleh 4A 1B dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), 9A dalam PMR dan 11A dalam SPM ketika menuntut di Pendang.

Hadi sama pada majlis itu Exco Pendidikan dan Kesihatan negeri Datuk Shamsulkuhar Mohd Delli.

MUHAMMAD Hadi menyampaikan ceramah motivasi kepada pelajar sekolah.